



## KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA

---

**GARIS PANDUAN PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN  
BELANJA MENGURUS (ABM) TAHUN 2021  
KEMENTERIAN PERTAHANAN**

---

**ARAHAN BAHAGIAN KEWANGAN BIL. 5/2020  
(ABK 5/2020)**

## KANDUNGAN

### ABK 5/2020: GARIS PANDUAN PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN BELANJA MENGURUS (ABM) TAHUN 2021 KEMENTERIAN PERTAHANAN

1. Tujuan	1
2. Hala Tuju Belanjawan Tahun 2021	1
3. Siling Indikatif Tahun 2021	2
4. Tatacara Penyediaan ABM 2021	
i. Siling Indikatif	3
ii. Struktur Program dan Aktiviti	4
iii. Asas Penyediaan Cadangan ABM	4
- Peruntukan <i>Personnel Emolument</i> (PE)	6
- Peruntukan <i>Non-Personnel Emolument</i> (NPE)	6
- Cadangan ABM Dasar Baru/One-Off	7
- <i>Zero-Based Budgeting</i>	8
- Dasar Penjimatan Kerajaan	9
iv. Pengesahan Cadangan ABM 2021 Melalui Sistem MyResults	9
5. Mesyuarat Tapisan Ke Atas Cadangan ABM Tahun 2021	10
6. Penutup	10
7. Lampiran	12-13

**ARAHAN BAHAGIAN KEWANGAN BIL. 5/2020 (ABK 5/2020):**

**GARIS PANDUAN PENYEDIAAN CADANGAN ANGGARAN BELANJA  
MENGURUS (ABM) TAHUN 2021 KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**1. TUJUAN**

- 1.1 Arah ini bertujuan untuk memberi panduan kepada semua Pengurus Program dan Ketua Aktiviti di Kementerian Pertahanan mengenai penyediaan cadangan Anggaran Belanja Mengurus (ABM) bagi tahun 2021.

**2. HALA TUJU BELANJAWAN TAHUN 2021**

- 2.1 Tahun 2021 merupakan tahun permulaan bagi Rancangan Malaysia Ke-12 (RMKe-12) dan juga Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB 2030). WKB 2030 adalah iltizam untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil, saksama dan inklusif pada semua peringkat kumpulan pendapatan, etnik wilayah dan rantaian bekalan.
- 2.2 Di bawah WKB 2030, tujuh Teras Strategik dibangunkan sebagai kunci untuk menjayakan inisiatif WKB 2030 bagi mencapai tiga objektif utama, iaitu (i) pembangunan untuk semua; (ii) menangani jurang kekayaan dan berpendapatan; dan (iii) menjadikan Malaysia sebuah negara yang bersatu. Tujuh Teras Strategik tersebut adalah seperti berikut:

Teras Strategik I : Ekosistem Perniagaan dan Industri

Teras Strategik II : Aktiviti Pertumbuhan Ekonomi Utama (KEGA)

Teras Strategik III : Transformasi Modal Insan

Teras Strategik IV : Pasaran Buruh dan Pampasan Pekerja

Teras Strategik V : Kesejahteraan Sosial

Teras Strategik VI : Keterangkuman Wilayah

Teras Strategik VII : Modal Sosial

- 2.3 Oleh itu, kementerian/jabatan/agensi/badan berkanun/syarikat Kerajaan dikehendaki merancang keutamaan projek berdasarkan hala tuju RMKe-12 dan WKB 2030. Semua perancangan program hendaklah menggunakan konsep *zero-based* bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perbelanjaan, iaitu (i) mengurangkan perbelanjaan yang tidak kritikal; (ii) menyemak semula kos dan skop program/aktiviti sedia ada mengikut keutamaan; dan (iii) mengambil kira keperluan sebenar perbelanjaan berdasarkan kapasiti pelaksanaan bagi mengelak pembaziran dan ketirisan. Penjimatan daripada semakan dan pemansuhan program/aktiviti yang telah dikenal pasti kurang berprestasi dan berkesan dalam menangani masalah pelanggan boleh digunakan bagi pelaksanaan program baharu yang lebih efisien.

### 3. SILING INDIKATIF TAHUN 2021

- 3.1 Kementerian Kewangan (MOF) telah menetapkan **RM10,871,726,000.00** sebagai siling indikatif bagi Maksud B60 – Kementerian Pertahanan untuk tahun 2021. Kementerian Pertahanan dikehendaki menggunakan jumlah tersebut sebagai had maksimum dalam mengemukakan cadangan ABM tahun 2021. Siling indikatif tersebut diagihkan kepada Aktiviti berdasarkan:
- i. kenaikan 5% setahun ke atas *Personnel Emolument*; dan
  - ii. mengambil kira perbelanjaan komited di bawah Dasar Sedia Ada,

Program Khusus dan *One-Off* yang diterima oleh Aktiviti pada tahun 2019 dan 2020.

- 3.2 Siling indikatif tahun 2021 bagi setiap Aktiviti adalah seperti berikut:

Bil.	Aktiviti	Siling Indikatif (RM)
1.	Pengurusan Am	575,915,300.00
2.	Bantuan Bersama	1,398,101,700.00
3.	Pertahanan Darat	5,359,581,000.00
4.	Pertahanan Maritim	1,544,147,300.00
5.	Pertahanan Udara	1,894,980,300.00
6.	Jabatan Hal Ehwal Veteran	99,000,400.00
	<b>Jumlah</b>	<b>10,871,726,000.00</b>

#### 4. TATACARA PENYEDIAAN ABM 2021

##### i. Siling Indikatif

- 4.1 MOF telah mengeluarkan Pekeliling Perbendaharaan PB 1.3 mengenai Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2021 pada 4 Mei 2020.
- 4.2 Di samping itu, MOF juga telah menetapkan **siling indikatif sebanyak RM10,871,726,000 untuk Kementerian Pertahanan** bagi tujuan penyediaan belanjawan tahun 2021 melalui surat rujukan MOF.NBO(R)600-9/1/34 (sk.3) (43) bertarikh 14 Mei 2020.
- 4.3 Siling indikatif merupakan batas maksimum yang boleh dipohon oleh sebuah kementerian dalam proses tapisan belanjawan. Siling ini akan merangkumi semua cadangan perbelanjaan kementerian bagi tahun 2021 termasuk Dasar Sedia Ada dan perbelanjaan yang berbentuk Dasar Baru dan *One-Off*.
- 4.4 Bagi mengoptimumkan penggunaan peruntukan tahun 2021, Pengurus Program dan Ketua Aktiviti disarankan supaya menyusun

semula keutamaan perbelanjaan berdasarkan siling indikatif yang diberikan. Sebarang program hendaklah dikurangkan atau ditangguhkan pelaksanaannya sekiranya perbelanjaan tersebut dilihat kurang menyumbang kepada pencapaian *outcome* Kementerian.

## ii. Struktur Program dan Aktiviti

4.5 Bagi tahun 2021, MOF telah menetapkan struktur Program dan Aktiviti bagi Kementerian Pertahanan seperti berikut:

- **Program 1: Pengurusan**

Aktiviti 1: Pengurusan Am

Aktiviti 2: Pengurusan Jabatan Hal Ehwal Veteran (JHEV)

- **Program 2: Kesiagaan dan Operasi**

Aktiviti 1: Bantuan Bersama

Aktiviti 2: Pertahanan Darat

Aktiviti 3: Pertahanan Maritim

Aktiviti 4: Pertahanan Udara

4.6 Sehubungan dengan itu, dalam penyediaan ABM tahun 2021, setiap Ketua Aktiviti dikehendaki menyediakan ABM di peringkat PTJ mengikut perbelanjaan bagi Dasar Sedia Ada, Dasar Baru dan One-Off. ABM bagi setiap PTJ berkenaan hendaklah disatukan dan dijadikan ABM bagi Aktiviti berkaitan. Seterusnya, ABM setiap Aktiviti akan disatukan menjadi ABM Program dan ABM Kementerian Pertahanan.

## iii. Asas Penyediaan Cadangan ABM

4.7 Bagi menyokong matlamat Kerajaan untuk memastikan kecekapan perbelanjaan awam ditumpukan kepada program dan projek yang mempunyai kesan pengganda tinggi kepada ekonomi, Pengurus

Program dan Ketua Aktiviti hendaklah memberi perhatian kepada perkara-perkara berikut semasa menyediakan cadangan ABM tahun 2021:

- a) Menumpukan *core business* dan sumbangan kepada keutamaan nasional seperti yang diperjelaskan di bawah Pekeliling Perbendaharaan PB 1.1 mengenai Belanjawan Berasaskan *Outcome*.
- b) Program/Aktiviti/Projek sedia ada perlu disemak semula dari segi sumbangan terhadap pencapaian objektif/*outcome*.
- c) Strategi penyampaian program juga perlu disemak dari segi keberkesanannya serta mengambil kira sama ada strategi tersebut boleh ditambah baik atau digantikan dengan strategi baru.
- d) Program/Aktiviti/Projek yang tidak lagi relevan perlu digantikan dengan program/aktiviti/projek baharu yang dapat memberi impak yang lebih signifikan kepada pelanggan/rakyat.
- e) Sebarang cadangan pewujudan program/aktiviti/projek baharu hendaklah mempunyai elemen penggantian (*trade off*) dengan program sedia ada. Semakan dan penilaian program sedia ada dan baharu perlulah menggunakan alat pengurusan yang bersesuaian bagi menjustifikasi program tersebut boleh dilaksanakan. Ini bagi menggalakkan proses pembuatan keputusan berdasarkan bukti (*evidence-based decision*).
- f) Cadangan ABM bagi Dasar Sedia Ada, Dasar Baru dan One-Off yang dikemukakan mestilah disertakan justifikasi lengkap termasuk kelulusan Jemaah Menteri atau keputusan

Kerajaan/agensi pusat.

- g) Keperluan kewangan bagi setiap cadangan tersebut perlu diambil kira dalam siling indikatif yang ditetapkan.
- h) Pengurus Program dan Ketua Aktiviti hendaklah menyusun semula keutamaan program/aktiviti/projek sedia ada dan mengelakkan pertindihan fungsi antara Aktiviti bagi mengoptimumkan perbelanjaan Kementerian.

Peruntukan *Personnel Emolument* (PE)

- i) Memastikan peruntukan yang disediakan adalah mencukupi untuk perbelanjaan emolumen berdasarkan bilangan perjawatan selaras dengan peruntukan Arahan Perbendaraan 36(a).
- j) Cadangan anggaran peruntukan emolumen juga hendaklah mengambil kira keperluan caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dikira secukupnya termasuk bagi pegawai/kakitangan kontrak perkhidmatan (*contract of service*) yang dibayar di bawah Objek Am 10000/Objek Sebagai 29000.

Peruntukan *Non-Personnel Emolument* (NPE)

- k) Mengambil kira perbelanjaan komited lain, terutamanya yang berkontrak.
- l) Memberi keutamaan kepada penyelenggaraan aset Angkatan Tentera Malaysia/Kementerian Pertahanan termasuk bangunan, peralatan dan kelengkapan pejabat.
- m) Bagi perolehan aset baharu atau perolehan yang memberi nilai tambah kepada aset sedia ada sama ada pertambahan

dari segi jangka hayat atau fungsi hendaklah menggunakan kod akaun di bawah Objek Am 30000.

- n) Memastikan semua permohonan peruntukan mematuhi Pekeliling Perpendaharaan PS 1.1 mengenai Penjenisan Kod Bagi Hasil dan Perbelanjaan dan Surat Pekeliling Akauntan Negara Bil. 10 Tahun 2017. Kaedah ini bagi mengurangkan aktiviti pindah peruntukan supaya dapat memberikan gambaran yang saksama mengenai program/aktiviti/projek dan operasi yang telah dijalankan oleh Kementerian Pertahanan.
- o) Agihan peruntukan hendaklah menggambarkan fungsi sebenar sesuatu Aktiviti di bawah Program yang berkenaan dan mengambil kira keupayaan setiap Aktiviti untuk melaksanakan program/aktiviti/projek dalam tahun kewangan semasa.

Cadangan ABM Dasar Baru/One-Off

- p) Jumlah keseluruhan permohonan ABM oleh Aktiviti hendaklah tidak melebihi daripada jumlah siling indikatif yang ditetapkan oleh MOF yang merangkumi Dasar Sedia Ada, Dasar Baru dan One-Off.
- q) Cadangan ABM bagi tujuan seminar/kursus/lawatan/tugas rasmi luar negara bagi tahun 2021 hendaklah dikemukakan di bawah peruntukan One-Off selaras Pekeliling Perpendaharaan PB 2.4 mengenai Perbelanjaan Perjalanan Atas Tugas Rasmi Ke Luar Negara.
- r) Cadangan ABM bagi keperluan di bawah perbelanjaan Aset – OA30000 (Objek Sebagai 35000) hendaklah dikemukakan di bawah peruntukan One-Off selaras Pekeliling

Perbendaharaan PB 2.2 mengenai Pembelian Harta Modal.

- s) Walaupun siling indikatif yang ditetapkan telah merangkumi Dasar Baru dan *One-Off*, setiap Aktiviti masih perlu mengemukakan justifikasi lengkap bagi permohonan yang melibatkan kedua-dua perkara tersebut berdasarkan peruntukan Pekeliling Perbendaharaan PB 1.1 mengenai Belanjawan Berasaskan Outcome.
- t) Cadangan ABM bagi Dasar Baru dan *One-Off* hendaklah dikaji secara teliti dan menyeluruh berdasarkan pertimbangan, iaitu:
  - i. benar-benar mempunyai keutamaan yang tinggi;
  - ii. bertujuan untuk memenuhi keperluan semasa; dan
  - iii. merupakan kaedah yang paling berkesan dari segi kos (*cost effective*).

#### Zero-Based Budgeting

- u) Sama seperti tahun 2020, semua perancangan hendaklah menggunakan konsep *Zero-Based Budgeting* bagi meningkatkan kecekapan dan keberkesanan perbelanjaan, iaitu:
  - i. mengurangkan perbelanjaan yang tidak kritikal;
  - ii. menyemak semula kos dan skop program/aktiviti sedia ada mengikut keutamaan; dan

- iii. mengambil kira keperluan sebenar perbelanjaan berdasarkan kapasiti pelaksanaan bagi mengelak pembaziran dan ketirisan.

Dasar Penjimatan Kerajaan

- v) Selaras dengan dasar penjimatan kerajaan, Pengurus Program dan Ketua Aktiviti hendaklah menyemak semula dan memansuhkan program/aktiviti/projek yang telah dikenal pasti kurang berprestasi dan berkesan dalam mencapai *outcome* nasional. Penjimatan tersebut boleh digunakan bagi pelaksanaan program baharu yang lebih efisien.
- w) Kos dan skop kontrak bagi *locked-in items* sedia ada dan baharu perlu diteliti bagi memastikan peruntukan disediakan hanya untuk perkara yang kritikal dan berkeutamaan serta memberi pulangan yang setimpal (*value for money*) kepada Kerajaan.

**iv. Pengesahan Cadangan ABM 2021 Melalui Sistem MyResults**

- 4.8 Penyediaan cadangan ABM tahun 2021 akan dibuat secara dalam talian (*online*) menggunakan aplikasi MyResults yang boleh dicapai melalui pautan [www.myresults.gov.my](http://www.myresults.gov.my).
- 4.9 Setiap Ketua Aktiviti perlu membuat pengesahan (*sign-off*) secara dalam talian (*online*) kepada Pengurus Program. Pengurus Program perlu menyemak dan memperakarkan permohonan ABM semua Aktiviti di bawah Program masing-masing dengan membuat pengesahan secara dalam talian (*online*) kepada Pegawai Pengawal bagi tujuan konsolidasi di peringkat Kementerian. Pegawai Pengawal akan membuat pengesahan rasmi (*sign off*) secara *online* melalui aplikasi MyResults sebelum atau pada 15 Jun 2020 seperti perincian di **Lampiran A**.

## 5. MESUARAT TAPISAN KE ATAS CADANGAN ABM TAHUN 2021

- 5.1 Mesyuarat tapisan ke atas cadangan ABM tahun 2021 akan dilaksanakan di peringkat Kementerian Pertahanan dan MOF. Tapisan yang lebih terperinci akan dilakukan ke atas cadangan ABM di bawah Dasar Sedia Ada, Dasar Baru dan *One-Off* berdasarkan prestasi perbelanjaan sebenar tahun 2019 dan peruntukan yang diluluskan pada tahun 2020.
- 5.2 Bagi melancarkan proses tapisan, Aktiviti dikehendaki mengemukakan asas-asas yang kukuh serta pengiraan terperinci. Sebagai contoh, pengiraan emolument hendaklah berdasarkan jumlah perjawatan, jumlah pengisian, anggaran pengambilan baru dan bilangan persaraan (*head count basis*).
- 5.3 Takwim bagi mesyuarat tapisan ke atas cadangan ABM akan diadakan seperti di **Lampiran B**.
- 5.4 Cadangan ABM bagi Dasar Sedia Ada hendaklah dikemukakan kepada Bahagian Kewangan dalam bentuk *soft copy* dan *hard copy* dengan menggunakan format Rancangan Perbelanjaan manakala bagi Dasar Baru dan *One-Off*, cadangan ABM adalah menggunakan format ABM-5.

## 6. PENUTUP

- 6.1 Pengurus Program dan Ketua Aktiviti diingatkan untuk merancang dan menyediakan ABM tahun 2021 dengan teliti bagi memastikan peruntukan dapat dibelanjakan secara optimum.
- 6.2 Pengurus Program dan Ketua Aktiviti juga diminta supaya menyediakan cadangan ABM tahun 2021 mengikut garis panduan yang disediakan serta menepati tarikh dan masa yang ditetapkan.

- 6.3 Arahan Bahagian Kewangan ini hendaklah dibaca bersama dengan Pekeliling Perbendaharaan – PB 1.3 mengenai Garis Panduan Bagi Penyediaan Cadangan Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2021.

Sekian, terima kasih.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**  
**“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”**

Saya yang menjalankan amanah,

**(MASTURA BINTI AHMAD MUSTAFA)**  
Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)  
Kementerian Pertahanan  
Tarikh : 24 Mei 2020

LAMPIRAN A

**KALENDAR AKTIVITI PENYEDIAAN  
CADANGAN ANGGARAN BELANJA MENGURUS  
KEMENTERIAN PERTAHANAN  
BAGI TAHUN 2021**

BIL.	AKTIVITI/TINDAKAN	TARIKH AKHIR
1.	Surat makluman Kementerian Kewangan kepada Kementerian Pertahanan mengenai siling indikatif	14 Mei 2020
2.	Mengunci masuk dan mengemas kini maklumat kerangka keberhasilan tahun 2021 ke dalam sistem MyResults	22 Mei 2020
3.	Pengesahan ( <i>sign-off</i> ) Pegawai Pengawal secara dalam talian ( <i>online</i> ) bagi kerangka keberhasilan dan cadangan Anggaran Belanja Mengurus Tahun 2021	15 Jun 2020
4.	Penyampaian Laporan Belanjawan Program dan Prestasi untuk Anggaran Perbelanjaan Persekutuan Tahun 2021 kepada Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan	30 Jun 2020
5.	Penyampaian Unjuran Keperluan Aliran Tunai tahun 2021	31 Disember 2020

**KALENDAR MESYUARAT TAPISAN KE ATAS  
CADANGAN ANGGARAN BELANJA MENGURUS  
KEMENTERIAN PERTAHANAN  
BAGI TAHUN 2021**

BIL.	AKTIVITI / TINDAKAN	TARIKH
1.	Mesyuarat Tapisan Bahagian Kewangan - Aktiviti Pertahanan Maritim - Aktiviti Pengurusan Am/ Pengurusan Jabatan Hal Ehwal Veteran - Aktiviti Bantuan Bersama - Aktiviti Pertahanan Darat - Aktiviti Pertahanan Udara	2 Jun 2020 3 Jun 2020 4 Jun 2020 9 Jun 2020 10 Jun 2020
2.	Mesyuarat Tapisan Peringkat MOF - Aktiviti Pertahanan Udara	17 Jun 2020
3.	Mesyuarat Tapisan Peringkat MOF - Aktiviti Bantuan Bersama	18 Jun 2020
4.	Mesyuarat Tapisan Peringkat MOF - Aktiviti Pertahanan Darat	22 Jun 2020
5.	Mesyuarat Tapisan Peringkat MOF - Aktiviti Pertahanan Maritim	23 Jun 2020
6.	Mesyuarat Tapisan Peringkat MOF - Aktiviti Pengurusan Am/Pengurusan Jabatan Hal Ehwal Veteran	24 Jun 2020